



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN  
ARAS 2, 4-7, BLOK E1, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590 PUTRAJAYA



Tel : 03-8883 3888/1047  
Fax : 03-8883 1230  
Email : [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh

: KKM.500-5/3/14 JLD.3 (52)  
: 24 April 2018

Semua Pengarah Kesihatan Negeri KKM  
Semua Pengarah Hospital KKM  
Semua Ketua Jabatan Perubatan Dalaman KKM


YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEMANTAPAN PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN PARALLEL PATHWAY  
PERUBATAN DALAMAN (MRCP) DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
(KKM)**


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* (Perubatan Dalaman – MRCP) adalah salah satu program latihan kepakaran perubatan yang telah dijalankan di fasiliti perubatan KKM. Pada masa ini, Pegawai Perubatan yang telah lulus kesemua peperiksaan MRCP (Part 1, Part 2 dan PACES) dan cukup pengalaman selama 36 bulan dalam bidang-bidang Perubatan Dalaman akan diberi penempatan untuk menjalani latihan pasca MRCP selama 12 bulan diikuti dengan tempoh pewartaan selama 6 bulan.


3. Untuk memantapkan program latihan ini, mulai tahun 2014 semua Pegawai Perubatan yang menjalani Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* Perubatan Dalaman (MRCP) perlu berdaftar sebagai pelatih/ *trainee* dengan bahagian Perkembangan Perubatan, KKM berdasarkan surat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) [rujukan : KKM 87/P2-1/18 Jld 19 (53) bertarikh 17 Februari 2014]. Manakala pada tahun 2017, *Personal Development Plan* (PDP) telah disediakan kepada semua *trainee* yang berdaftar untuk dilengkapkan bagi memenuhi keperluan latihan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015



CERTIFIED TO ISO 9001:2015



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

4. Bagi memperkuuhkan lagi Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* Perubatan Dalaman (MRCP), mesyuarat bersama Pakar- Pakar Perubatan Kanan, Perubatan Dalaman telah diadakan pada 27 Mac 2018 telah memutuskan beberapa perkara berkenaan struktur latihan program dan keperluan pewartaan, antaranya seperti berikut :

- I. Pelaksanaan PDP secara sepenuhnya mulai 1 Julai 2018
- II. Keperluan latihan bagi pegawai di peringkat transisi bagi memenuhi syarat-syarat pewartaan.

Perincian mengenai perkara – perkara tersebut adalah seperti di Lampiran I

5. Sukacita dipohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Datin/ Tuân/ Puân untuk memaklumkan maklumat yang terkandung dalam perkara 4 kepada Ketua-Ketua Jabatan Perubatan serta *trainee* Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* Perubatan Dalaman (MRCP) di hospital masing-masing. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan PDP boleh dikemukakan kepada urusetia Unit PGMSS di talian 03-88906053 atau emel pgmss@moh.gov.my. Manakala, sebarang pertanyaan berkenaan pewartaan dan kepakaran boleh dikemukakan kepada Unit Profesional Pakar Perubatan di talian 03-88831115.

6. Dikemukakan lampiran yang berkenaan untuk perhatian dan tindakan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Datin/ Tuan/ Puan selanjutnya.

Sekian, Terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

(DR. HJ. MOHD FIKRI BIN UJANG)  
b/p Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. G. R. Letchuman a/l Ramanathan  
Pakar Perunding Kanan Perubatan Dalaman  
Jabatan Perubatan  
Hospital Raja Permasuri Bainun  
Ipoh, Perak  
(Ketua Perkhidmatan Perubatan Dalaman KKM)

**PEMANTAPAN PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN *PARALLEL PATHWAY*  
PERUBATAN DALAMAN (MRCP)**

**KETETAPAN UMUM :**

- a) Semua pegawai perlu mempunyai 4 tahun pengalaman dalam bidang Perubatan Dalaman sebelum masuk tempoh pewartaan.
- b) Semasa tempoh latihan kepakaran, semua pegawai perlu menjalani proses penilaian seperti yang terkandung dalam *Personal Development Plan* (PDP).
- c) Surat pengesahan tamat latihan *Completion of Specialty Training* (CST) akan diberikan kepada pegawai yang telah lulus semua bahagian MRCP, PDP yang lengkap dan telah menyempurnakan tempoh pengalaman 48 bulan dalam bidang Perubatan Dalaman.
- d) Penempatan untuk pewartaan selama minimum 6 bulan akan dibuat selepas pegawai memenuhi semua syarat-syarat di (a) dan (c).
- e) Tempoh cuti latihan semasa dalam program latihan yang dibenarkan adalah 30 hari meliputi semua cuti-cutি yang dibenarkan seperti cuti sakit, cuti rehat dan sebagainya. Sekiranya jumlah cuti melebihi jumlah yang dibenarkan, tempoh latihan perlu digantikan mengikut jumlah hari yang terlebih.
- f) Tempoh sahlaku(*validity*) setiap *case exposure & procedure* yang dilakukan adalah selama 7 tahun dari tarikh permulaan PDP.
- g) Pegawai akan dikekalkan di penempatan semasa sehingga pegawai cukup pengalaman 48 bulan kecuali bagi kes - kes tertentu seperti penempatan semasa adalah klinik kesihatan atau hospital semasa tidak mempunyai *supervisor* yang berkenaan.

**KETETAPAN KHUSUS:**

1. Pegawai Perubatan yang lulus Part I pada atau selepas 1 Julai 2018

Pegawai diwajibkan berdaftar dengan Unit PGMSS, BPP menggunakan borang yang dilampirkan dan akan dibekalkan PDP yang perlu dilengkapkan dalam tempoh latihan (minima 48 bulan). Tempoh pengalaman hanya akan bermula selepas pegawai berdaftar dan mendapat surat makluman daripada BPP.

2. Pegawai yang telah lulus Part I / II dan telah berdaftar dengan BPP sebelum Julai 2018

Pegawai perlu melengkapkan PDP yang telah diberikan sehingga cukup tempoh 4 tahun pengalaman. (Penilaian akan dibuat secara *prorate*)

3. Pegawai perubatan yang telah lulus semua peringkat peperiksaan (Part I / II / PACES) dan belum cukup 36 bulan pengalaman

- Pegawai perlu mendaftar ke BPP sebaik sahaja lulus semua peperiksaan.
- Pegawai akan diberikan PDP untuk dilengkapkan dalam tempoh yang berbaki perlu meneruskan latihan bagi melengkapkan pengalaman tempoh 48 bulan. (*Penilaian akan dibuat secara prorate*)
- Pegawai perlu melapor semula ke BPP **sebulan** sebelum cukup tempoh 48 bulan untuk semakan kelayakan pemberian surat pengesahan tamat latihan (CST).
- Penempatan untuk tujuan pewartaan akan ditentukan dalam masa sebulan selepas disahkan tamat latihan.

4. Pegawai perubatan yang telah lulus semua peringkat peperiksaan (Part I. / II / PACES) dan telah cukup tempoh 36 bulan pengalaman

- Pegawai perlu mendaftar ke BPP sebaik sahaja lulus semua bahagian peperiksaan.
- Pegawai masih tertakluk kepada keperluan pengalaman latihan selepas lulus.
- Pegawai perlu mengisi PDP mengikut kadar yang bersesuaian dalam tempoh 1 tahun. (*Penilaian akan dibuat secara prorate*)
- Pegawai perlu melapor semula ke BPP **sebulan** sebelum lengkap tempoh 48 bulan untuk semakan kelayakkan pemberian surat pengesahan tamat latihan (CST).
- Penempatan untuk tujuan pewartaan akan ditentukan dalam masa sebulan selepas pegawai disahkan tamat latihan.